

Bunuh: Lelaki kena 30 tahun setelah terlepas hukuman mati

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dikenakan 12 sebatan


KUCHING: Seorang lelaki berusia 45 tahun terlepas daripada hukuman mati selepas Mahkamah Persekutuan di sini semalam meringankan hukuman yang dikenakan atas tuduhan membunuh rakannya di Sibu kepada penjara 30 tahun.

Panel tiga Mahkamah Persekutuan yang terdiri daripada Hakim Tan Sri Datuk Amar Abang Iskandar Abang Hashim, Datuk Rhodzariah Bujang dan Datuk Nordin Hassan turut memerintahkan Tony Rambor dihukum dengan 12 sebatan.

Tony diperintahkan untuk memulakan hukuman penjara dari tarikh dia ditangkap iaitu pada 28 Jun 2017.

Keputusan itu dibuat sebulat suara oleh ketiga-tiga hakim berikutan pindaan kepada Seksyen 302 Kanun Keseksan di mana hukuman mati sepatutnya ditukar kepada penjara berdasarkan keadaan dan fakta kes.

Pindaan Seksyen 302 Kanun Keseksan memperun-



HUKUMAN DIKURANG: Tony keluar dari bilik mahkamah selepas tamat prosiding di Mahkamah Persekutuan semalam.

tukkan hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun, dan jika tidak dijatuhkan hukuman

mati, juga boleh dihukum sebat tidak kurang daripada 12 sebatan.

Pada 11 Disember 2018, Mahkamah Tinggi di Sibu

mendapati Tony bersalah membunuh rakannya di hadapan sebuah rumah tidak bernombor di Sibu kira-kira jam 8 malam pada 26 Jun 2017.

Berdasarkan fakta kes, Tony, mangsa serta dua lagi lelaki sedang minum minuman keras dan mereka turut bergilir-gilir membeli minuman di kedai berhampiran.

Kira-kira jam 8 malam, perselisihan faham berlaku antara Tony dan mangsa sehingga dia mati akibat dipercayai dipukul dengan sebatang kayu sebelum mayatnya dibuang ke dalam parit berhampiran.

Mayat mangsa kemudian ditemui orang awam pada keesokan paginya dan polis turut menemui serpihan kayu dengan kesan darah di tempat kejadian.

Kes yang menyaksikan 12 saksi sepanjang perbicaraan itu didakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya Datin Asmah Musa, manakala Tony diwakili peguam bela Christopher Bada dan Nur Azureen Zainudin.